


# Tamu Gadang UMS Labuan 2016 tawar hadiah lumayan

NST 18-10-16 9



LABUAN: Program tahunan Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) yang akan diadakan pada 18-20 November 2016, menawarkan hadiah yang lumayan untuk dibawa pulang peserta dari dalam dan luar negara.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Halik (gambar) berkata Tamu Gadang itu menyajikan 17 acara termasuk 12 acara yang menyediakan hadiah menarik.

Katanya, 12 acara itu ialah Kid's Got Talent, Festival Tari dan Muzik Rakyat Antarabangsa, Memancing Pesisir Pantai, Volleyball Men's Open, UMSKAL Cooking Battle dan Graduate Run.

Battle Of The Gyms, UMSKAL Cyber Games Challenge, Kal-Cutey Catz Competition, Tarik Tali Se-Borneo, Restaurant

Cooking Battle dan Futsal Men's Open juga turut diadakan.

Juara bagi empat acara iaitu futsal, battle of the gyms, tarik tali dan volleyball akan menerima RM3,000 manakala johan acara restaurant cooking battle menawarkan RM1,500, UMSKAL cooking battle (RM1,200) serta memancing (RM1,000).

Dr Murnizam berkata pihaknya turut mengadakan Simposium Perubatan Tradisional, Forum Perdana, Pameran Big Bike dan Gerai Tamu Gadang.

Katanya, majlis perasmian akan diadakan pada 18 November manakala majlis penutupan pada 20 November yang akan dimeriahkan dengan persembahan artis tanah air.

"Tamu Gadang diadakan adalah untuk meraikan Majlis Konvokesyen UMS Ke-18 2016. Kami mengalu-alukan penyertaan

daripada semua peserta dari seluruh negara dan luar negara," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata pengajuran Tamu Gadang UMS Labuan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin antara UMS Labuan dengan jabatan dan agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan warga Wilayah Persekutuan Labuan.

Dr Murnizam juga yakin kehadiran peserta dari Sabah, Sarawak, Semenanjung dan Brunei serta negara-negara Asean akan membantu menjana ekonomi dan merencanakan lagi industri pelancongan tempatan.

Mereka yang berminat menyertai Tamu Gadang UMS Labuan 2016 boleh melayari laman web [www.kal.ums.edu.my/tamu-gadang](http://www.kal.ums.edu.my/tamu-gadang) atau 087-460409 (O) untuk mendapatkan keterangan lanjut.